

KEPERLUAN GARIS PANDUAN PENENTUAN WALI KE ATAS HARTA ANAK BAWAH UMUR PADA KONTRAK HIBAH DI MALAYSIA

REQUIREMENTS OF GUIDELINES FOR THE DETERMINATION OF GUARDIAN ON THE PROPERTY OF MINORS IN HIBAH CONTRACT IN MALAYSIA

Nurul Syuhadah binti Azalan¹
Noor Lizza binti Mohamed Said²
Mohd Zamro bin Muda³

¹ Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Malaysia,
(E-mail: nurulsyuhadah@unipsas.edu.my)

² Pusat Kajian Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.
(E-mail: lizza@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.
(E-mail: zamro@ukm.edu.my)

Article history

Received date : 19-10-2024

Revised date : 20-10-2024

Accepted date : 25-12-2024

Published date : 31-12-2024

To cite this document:

Azalan, N. S., Mohamed Said, N. L., & Muda, M. Z. (2024). Keperluan garis panduan penentuan wali ke atas harta anak bawah umur pada kontrak hibah di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (68), 279-288.

Abstrak: Hibah merupakan salah satu instrumen untuk memastikan harta yang dimiliki berpindah milik kepada individu yang diingini oleh pemilik harta. Kebanyakan ibu bapa memberikan harta kepada anak-anak mereka melalui instrumen hibah. Bagi anak yang masih kecil, sekiranya hibah hendak diberikan kepada mereka, hendaklah melalui wali atau pemegang amanah yang dilantik oleh wali. Namun begitu, terdapat perbezaan penghakiman Hakim Syarie dengan peruntukan yang telah dinyatakan dalam statut undang-undang sedia ada mengenai wali ke atas harta yang dilantik di samping peranan wali ke atas harta anak bawah umur pada kontrak hibah tidak dinyatakan dalam peruntukan undang-undang berkenaan. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat keperluan untuk mewujudkan garis panduan penentuan wali ke atas harta anak bawah umur pada kontrak hibah di Mahkamah Syariah. Reka bentuk kajian ialah analisa kandungan, manakala kaedah pengumpulan data pula ialah analisis dokumen. Data akan dianalisis melalui analisis tematik. Dapatkan kajian menunjukkan perlu satu garis panduan penentuan wali ke atas harta anak bawah umur pada kontrak hibah di Malaysia di samping menetapkan elemen yang perlu ada pada wali ke atas harta anak bawah umur. Implikasi kajian ini adalah untuk menyeragamkan keputusan penghakiman Hakim Syarie pada isu yang berkait dengan penentuan wali ke atas harta anak bawah umur pada kontrak hibah di Mahkamah Syariah.

Kata Kunci: Hibah, anak bawah umur, wali ke atas harta, Mahkamah Syariah

Abstract: *Hibah is one of the instruments used to ensure that property owned by an individual is transferred to the intended recipient. Most parents give property to their children through the instrument of Hibah. For minor children, if a Hibah is to be given to them, it must be done through a guardian (wali) or a trustee appointed by the guardian. However, there is a difference in the rulings of the Shariah Court judges compared to the provisions outlined in the existing statutory laws regarding the appointment of a guardian over the property, as well as the role of a guardian over the property of a minor child in Hibah contracts, which is not specified in the current legal provisions. Therefore, this study aims to examine the need for establishing guidelines for the determination of a guardian over the property of a minor in Hibah contracts in the Shariah Court. The research design is content analysis, while the data collection method is document analysis. The data will be analyzed using a thematic analysis. The findings of the study indicate that there is a need for a guideline to determine the guardian over the property of a minor in Hibah contracts in Malaysia, along with the establishment of key elements that should be present in a guardian of a minor's property. The implication of this study is to standardize judicial decisions by Shariah Court judges on issues related to the determination of a guardian over the property of a minor in Hibah contracts in the Shariah Court.*

Keywords: *Hibah, minor children, guardian over property, Shariah Court*

Pendahuluan

Instrumen hibah di Malaysia telah digunakan secara meluas oleh masyarakat Islam. Berdasarkan kajian Mohd Khairy & Suhaili (2013), majoriti responden kajian terdiri daripada masyarakat Islam di Malaysia melakukan transaksi hibah adalah sebanyak 62.4%. Daripada peratusan tersebut kebanyakan hibah yang dibuat adalah antara ibu bapa dan anak-anak.

Berdasarkan laporan kes yang ditemui mendapati kes-kes hibah yang dibicarakan di Mahkamah Syariah adalah melibatkan pemberian hibah oleh ibu bapa kepada anak-anak sama ada pemberian itu berlaku ketika anak masih kecil atau sudah dewasa seperti kes *Asmah Binti Mohamed Dewa v Chik Zaharah Binti Awang Noh & Lima Yang Lain* (06200-044-0072-2014), *Saharain Bin Nordin v Noraidah Binti Nordin* [2008] JH 26(1), *Faizah Som Binti Abdul Kadir v Yahya Bin Abdul Kadir dan Lain-lain* (14700-044-0244-2013), *Ishah Binti Ismail dan Seorang Lagi v Ishak Bin Ismail dan Lain-lain* (10400-044-0025-2011), *Mohd Akbar Bin Shafawi v Fara Soraya Binti Tarmizi dan Khafil Rusyaidi Bin Kamarul Rasydan* (06100-044-0473-2014), *Pengesahan Hibah Abdul Rahman Bin Haji Ahmad dan Dua Yang Lain* (14700-044-0117-2010), *Rosmah Binti Sully & Seorang Yang Lain v Ismail Bin Mohammad dan Seorang Yang Lain* [2011] JH 32(2), *Wan Nahizun Binti Wan Osman v Wan Jafri Bin Wan Osman dan Lapan Yang Lain* (06100-044-0703-2014), *Nor Haily Maizura Binti Hussein v Nur Shamsul Bhaiyah Binti Hussein* (14700-044-0132-2011), *Latifah Binti Misu, Maimunah Binti Misu dan Suwarni Binti Misu v Dua Belas Defendant* (10300-044-0537-2012), *Anuar Sen Bin Ismail v Cartem Bin Cargan* (14100-044-0287-2013), *Rafizah Binti Ab Karim v Kamar Bin Ab Karim dan Empat Defendant Yang Lain* (10100-044-0478-2011) dan *Zaiton Bin Mohamed v Khursiah Jan Binti Wali Ahmad dan Lain-lain* (10300-044-0503-2014).

Berdasarkan kajian Mohd Khairy & Nasrul Hisyam (2017) mendapati dua tujuan utama ibu bapa melakukan pemberian kepada anak-anak iaitu motif altruisme dan motif pertukaran. Pemberian hibah melalui motif altruisme ini ialah tanggungjawab yang lahir dari diri ibu atau bapa untuk membantu anak-anak dalam kesusahan manakala motif pertukaran pula ialah

jangkaan ibu bapa agar anak-anak membantu ibu bapa apabila sudah tua dengan pemberian yang telah diberikan itu.

Apabila melibatkan pemberian ibu bapa kepada anak bawah umur, segala persediaan wajar untuk dirancang kerana akan muncul beberapa isu apabila keadaan rumah tangga bergolak atau berlaku kematian pemberi hibah. Menurut Zanariah Noor (2012) kebiasaannya isu berkait dengan hak-hak di atas tidak akan timbul sekiranya ibu bapa tinggal bersama dengan anak-anak mereka. Munculnya pertikaian dan usaha untuk mempertahankan hak masing-masing akan berlaku apabila berlaku kematian atau penceraian antara mereka. Kanak-kanak merupakan golongan yang tidak mempunyai hak melakukan transaksi disebabkan tidak berkeupayaan menguasai diri dan harta. Oleh itu, memerlukan individu lain yang membantu menguruskan dan menjaga diri dan harta kanak-kanak berkenaan.

Berdasarkan sistem perundangan di Malaysia, pengesahan hibah diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Buktinya, berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan menetapkan alang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, alang didefinisikan sebagai hadiah dan pemberian. Berdasarkan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], menerangkan lebih jelas maksud alang semasa hidup berdasarkan seksyen 46 iaitu penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam. Walaupun istilah hibah tidak dinyatakan dalam peruntukan undang-undang tersebut, tetapi ia adalah sinonim dengan istilah hibah. Begitu juga yang dinyatakan dalam seksyen 61(3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, seksyen 49(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002, seksyen 61(3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004, seksyen 61(3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, seksyen 50(3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak 2004, seksyen 9(b)(vi) Enakmen Mahkamah Syariah 1993 Negeri Kedah dan seksyen 11(b)(vi) Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001 (Nasrul Hisyam, 2011).

Menurut Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 Negeri Pahang juga tidak menggunakan perkataan hibah tetapi pemberian semasa hidup yang juga menjurus kepada maksud hibah seperti yang dinyatakan dalam seksyen 47(2)(b)(vi). Sedangkan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (pindaan) 1998 Negeri Kelantan, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (pindaan) 2005, Ordinan Mahkamah Syariah 2001 Negeri Sarawak dan Enakmen Mahkamah Syariah 2004 Negeri Sabah telah menyatakan perkataan hibah. Walau bagaimanapun, berdasarkan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (pindaan) 2000 Negeri Perlis seksyen 8(2)(vi) tidak menyatakan mengenai hibah atau pemberian ketika hidup. Berpandukan kepada bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah berkait dengan pemberian yang telah dinyatakan dalam enakmen berkenaan ialah membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan wasiat-wasiat atau pemberian daripada orang-orang yang beragama Islam pada ketika hendak mati.

Oleh itu, semua perkara berkaitan dengan hibah orang Islam akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah termasuklah mengenai penerimaan harta hibah anak bawah umur. Sehingga kini, akta atau enakmen undang-undang hibah belum dikuatkuasakan lagi (Alias Azhar & Mohd Zakhiri, 2019). Namun, fasa penggubalan undang-undang hibah telah dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Usaha ke arah pemerkasaan undang-undang hibah merupakan langkah yang tepat bagi memudahkan dan membantu institusi kehakiman

Islam memutuskan kes hibah, di samping dapat memastikan kontrak hibah yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat pengurusan dan perancangan harta orang Islam dan masyarakat awam adalah mengikut kehendak hukum syarak.

Di Malaysia, status penjaga diri dan harta kanak-kanak dinyatakan dalam seksyen 88(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan seksyen 89(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri yang menjelaskan susunan keutamaan penjaga diri dan harta iaitu bapa, datuk lelaki sebelah bapa, wasi yang dilantik menurut wasiat bapa, wasi kepada wasi bapa, wasi datuk lelaki sebelah bapa, wasi kepada wasi datuk lelaki sebelah bapa. Oleh itu, terdapat kes hibah yang tidak diluluskan di Mahkamah Syariah disebabkan ibu sebagai pemberi hibah telah melantik adik lelakinya sebagai wasi bagi anak bawah umur. Tambahan pula, terdapat kes hibah yang diperolehi mendapati wali ke atas harta anak bawah umur pada kes hibah, tidak mengikut peruntukan undang-undang berkenaan.

Di samping itu, perkembangan intelektual manusia dalam melahirkan produk patuh syariah, produk hibah telah mula diperkenalkan dalam industri kewangan dan perbankan Islam dan industri perancangan dan pengurusan harta orang Islam seperti Amanah Raya Berhad (ARB), Syarikat Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd dan Syarikat as-Salihin Trustee Berhad seperti produk hibah amanah telah dibincangkan oleh beberapa orang pengkaji seperti Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2011), Othman Yaacob (2006) dan Akmal Hidayah & Tajul Aris (2017). Status pemegang amanah dalam modus operandi hibah amanah adalah sebagai pentadbir aset hibah seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah adalah dilantik oleh pemberi hibah untuk disampaikan pemilikan melalui hibah itu kepada benefisiari. Tanggungjawab pemegang amanah salah satunya perlu meneliti penentuan taraf penerima harta hibah. Jika penerima hibah terdiri daripada individu yang tidak mampu menguruskan harta, maka berhak dilantik wali atau penjaga bagi hartanya (Othman Yaacob, 2006).

Oleh itu, artikel ini adalah untuk mengkaji keperluan kepada garis panduan penentuan wali ke atas anak bawah umur pada kontrak hibah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Kaedah pengumpulan data pula ialah analisis dokumen. Bagi kaedah analisis data, pendekatan analisis tematik digunakan dalam menghuraikan persoalan dalam artikel ini. Pendekatan analisis tematik adalah salah satu metode dalam analisis data kualitatif yang digunakan untuk mengidentifikasi, menganalisis, dan melaporkan pola (tema) yang ditemukan dalam data (Braun, V., & Clarke, V, 2006).

Keputusan Penghakiman Kes Hibah Berkait Dengan Wali ke atas Harta Anak Bawah Umur

Terdapat perbezaan susunan keutamaan tertib wali ke atas harta anak bawah umur dalam kalangan fuqaha mazhab Hanafi, mazhab Maliki, mazhab Syafii dan mazhab Hanbali (al-Jaziri, 2003). Menurut mazhab Hanafi menetapkan wali ke atas harta anak bawah umur ialah bapa. Sekiranya bapa meninggal dunia, wali ke atas harta anak bawah umur diserahkan kepada pemegang amanah yang dilantik oleh bapa, kemudian datuk dan kemudian pemegang amanah yang dilantik oleh datuk. Menurut mazhab Syafii pula menetapkan bapa adalah wali hakiki anak bawah umur dan kemudian berpindah perwalian ke atas harta anak bawah umur kepada datuk. Kemudian diserahkan perwalian kepada wasi kepada bapa atau wasi kepada datuk. Pelantikan wasi ini bergantung pihak bapa atau datuk yang masih hidup yang melantik wasi ke atas harta

anak bawah umur itu. Menurut mazhab Maliki dan mazhab Hanbali menetapkan bapa adalah wali anak bawah umur kemudian diikuti wasi kepada bapa. Bahkan, fuqaha juga berpandangan bahawa adik beradik lelaki tidak layak untuk menjadi wali kepada anak bawah umur ini.

Berbeza dengan susunan keutamaan dalam peruntukan dalam undang-undang di Malaysia. Berdasarkan seksyen 81(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan seksyen 82(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri telah memperuntukkan walaupun hak hadanah diberikan kepada pihak ibu sebagai individu yang berhak menjaga anak bawah umur. Berdasarkan kepada seksyen 88(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan seksyen 89(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri, bapa adalah wali ke atas diri dan wali ke atas harta hakiki dan yang utama kepada kanak-kanak bawah umur. Sekiranya bapa telah meninggal dunia, susunan keutamaan hendaklah diikuti dengan didahului dengan datuk iaitu bapa kepada bapa anak bawah umur, wasi yang telah diwasiatkan oleh bapa, wasi kepada wasi bapa, wasi yang dilantik oleh datuk dan wasi kepada wasi datuk dengan syarat golongan-golongan ini adalah seorang Islam, dewasa, boleh dipercayai dan dalam keadaan waras.

Melihat kepada kes-kes hibah yang berlaku di Malaysia berkait dengan wali ke atas harta anak bawah umur, merujuk kepada kes pengesahan hibah anak bawah umur dalam kes *Mohd. Illhdzan bin Mohd Ali, Ayoub Izarudin bin Mohd Ali lwn Aiyuhanil binti Mohd Ali* [2011] JH 33(1) yang mempunyai pertikaian terhadap suatu harta yang dikatakan telah dihibahkan oleh ayah pemohon yang telah meninggal dunia. Disebabkan ayah pemohon telah meninggal dunia, maka hakim perlu menentukan wali ke atas harta anak bawah umur agar hibah yang dilakukan adalah sah menurut syarak. Oleh itu, Hakim Syarie telah memutuskan bahawa wali ke atas harta anak bawah umur pada akad hibah bagi pemohon yang merupakan anak bawah umur pada ketika kes ini dibicarakan adalah abang kandung pemohon-pemohon. Ketiadaan penentuan wali ke atas diri dan wali ke atas harta anak bawah umur dalam kes berkenaan membawa kepada penelitian lebih mendalam bagi menentukan pihak yang sepatutnya sebagai wali ke atas harta anak bawah umur.

Selain itu, berdasarkan kes *Siti Nor Hayani binti Mat Harun v Kalthum binti Awang Long dan 5 Orang Yang Lain* (14700-044-0049-2012), plaintif meminta agar Hakim Syarie mengesahkan hibah yang dibuat oleh pemberi hibah iaitu Azizah binti Mat Harun yang merupakan kakak kandung plaintif yang telah meninggal dunia. Antara penerima hibah harta si mati adalah anak angkat kepada adik si mati yang masih bawah umur. Berdasarkan kenyataan pihak-pihak, wali bagi penerima hibah anak bawah umur ini adalah ibu angkatnya yang merupakan adik kepada pemberi hibah dan hakim bicara telah bersetuju dengan tindakan tersebut sebagai wali ke atas harta bagi penerima hibah anak bawah umur.

Dalam kes *Anuar Sen bin Ismail v Cartem binti Cargan* (14100-044-0287-2013), plaintif memohon agar mahkamah mengesahkan hibah yang dibuat olehnya kepada isteri dan anak perempuannya. Disebabkan anak perempuan plaintif adalah bawah umur, maka plaintif melantik dirinya sendiri sebagai pemegang amanah. Keputusan bagi kes ini ialah Hakim Syarie mengesahkan hibah yang dibuat oleh pemberi hibah iaitu Anuar Sen bin Ismail kepada isteri dan anak perempuannya. Dengan erti kata lain, Hakim Syarie mengesahkan hibah yang dibuat oleh pemberi hibah yang melantik dirinya sebagai pemegang amanah bukan wali ke atas harta anaknya.

Seterusnya, berdasarkan kes *Mohd Akbar bin Shafawi v Fara Soraya binti Tarmizi dan Khafil Rusyaidi bin Kamarul Rasydan* (06100-044-0473-2014), plaintif memohon mahkamah mengesahkan hibah yang dibuat olehnya kepada isteri dan anak angkatnya iaitu Khafil Rusyaidi bin Kamarul Rasydan. Dalam kes ini, anak angkatnya masih bawah umur. Oleh itu, plaintif melantik isterinya iaitu Fara Soraya binti Tarmizi sebagai pemegang amanah kepada penerima hibah anak bawah umur ini. Hakim Syarie dalam kes ini telah mengesahkan hibah yang dibuat oleh pihak plaintif di samping turut mengesahkan tindakan pemberi hibah melantik isterinya sebagai pemegang amanah walaupun pemberi hibah hanyalah bapa angkat kepada anak bawah umur ini.

Keputusan kes-kes hibah berkenaan adalah tidak mengikut peruntukan yang telah dinyatakan dalam undang-undang yang dikuatkuasakan oleh mahkamah yang membicarakan kes tersebut iaitu dalam seksyen 89(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 88(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan seksyen 89(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005 .

Perbincangan

Berdasarkan kepada data kajian yang diperolehi, perlunya satu garis panduan penentuan wali ke atas harta anak bawah umur pada kontrak hibah di Malaysia. Kenyataan ini disokong oleh kajian Nor'asyikin binti Hamzah (2018) yang mendapati apabila mahkamah memberikan hak dan tanggungjawab kepada pihak-pihak dalam menunaikan hak ke atas kanak-kanak, ibu atau bapa kepada kanak-kanak tidak menjalankan tanggungjawab seperti yang diperintahkan oleh hakim.

Peruntukan berkaitan wali ke atas harta anak bawah umur telah wujud dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, namun demikian, tiada satu huriaian khusus berkaitan dengan kelayakan dan proses penentuan wali ke atas harta yang dilantik oleh pihak Mahkamah. Merujuk kepada seksyen 91 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan seksyen 92 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, menekankan bahawa ibu mempunyai hak sebagai wali ke atas harta sekiranya bapa telah membuat wasiat melantik ibu sebagai wasi bagi bapa atau tiada seorang wali ke atas harta di sisi undang-undang. Dengan erti kata lain, mahkamah akan menafikan hak ibu sebagai wali ke atas harta sekiranya tiada wasiat yang dibuat oleh penjaga hakiki iaitu bapa apabila melibatkan harta yang dihibahkan oleh bapa kepada kanak-kanak bawah umur atau penjaga-penjaga harta di sisi undang-undang itu masih wujud.

Oleh itu, sepatutnya golongan ibu dibolehkan untuk menjadi wali ke atas harta anak bawah umur bagi menguruskan harta hibah. Ini adalah berdasarkan kepada pandangan Menurut pendapat mazhab Syafii mutaakhirin berpandangan bahawa sekiranya bapa atau datuk hilang tidak ditemui, maka didahuluikan ibu untuk menjadi penjaga harta ke atas harta anak bawah umur disebabkan seorang ibu itu mempunyai sifat belas kasihan. Tambahan pula, apabila seorang ibu itu mempunyai syarat-syarat yang mencukupi, maka ibu lebih layak dan lebih diutamakan untuk menjadi wali berbanding dengan waris-waris yang lain. Menurut pendapat mazhab Hanbali mutaakhirin juga berpandangan bahawa sekiranya bapa atau wasi yang dilantik oleh bapa meninggal dunia ataupun tidak wujud, maka ibu layak menjadi wali ke atas anak bawah umur (Abu Syarkh, 2008). Maka, wujud pegangan pendapat fuqaha dalam melantik ibu menjadi wali ke atas harta anak bawah umur. Dengan erti kata lain, jika ibu dilantik sebagai wali ke atas harta anak bawah umur, akad hibah itu tetap sah.

Oleh itu, seseorang wali ke atas harta mesti mencukupi elemen-elemen sebagai wakil untuk mengurus harta hibah anak bawah umur. Antaranya ialah orang yang menjadi wali itu termasuk orang yang mempunyai kesempurnaan kelayakan dari segi mental dan pemikiran. Dengan erti kata lain, individu tersebut cerdik dan tidak boros dalam menguruskan hartanya kerana sekiranya dirinya sendiri tidak mampu untuk menjaga hartanya dengan baik, menjadi satu persoalan bagaimana orang tersebut mampu untuk menguruskan harta orang lain (al-Zuhayli, 1989).

Dalam konteks semasa, isu hibah harta bercagar mula rancak diperkatakan. Ini kerana kebanyakan harta yang dalam milikan seseorang, mempunyai pinjaman dengan pihak bank, dan harta itu juga yang ingin dihibahkan kepada penerima hibah yang dikehendaki oleh pemilik harta (Noor Lizza & Wan Amirul Adli, 2021). Oleh itu, wali dan wasi yang dilantik hendaklah memainkan peranan yang penting kerana sekiranya hibah berlaku terhadap harta bercagar, ada risiko yang akan diterima oleh penerima hibah anak bawah umur. Risiko ini membabitkan hutang yang terdapat pada harta itu dalam keadaan harta itu tidak dilindungi oleh *Mortgage Reducing Term Assurance* (MRTA) atau *Mortgage Reducing Term Takaful* (MRTT). Ini membebangkan penerima hibah jika pemilik harta meninggal dunia, penerima hibah yang perlu bertanggungjawab untuk membayar hutang aset tersebut. Di sini perlu kepada peranan wali dan wasi meneliti harta yang dihibahkan tidak memberi mudarat kepada penerima hibah.

Selain itu, elemen yang perlu ada pada wali yang dilantik hendaklah mempunyai pegangan agama yang sama dengan orang yang ingin dijaga hartanya. Oleh itu, sekiranya seorang bapa bukan beragama Islam, maka bapa tersebut tidak boleh menjadi wali ke atas harta anaknya. Ini kerana, sifat adil kebiasaannya dilaksanakan oleh orang Islam. Maksud adil di sini adalah menjauhi maksiat dan dosa besar seperti zina, menuduh seorang wanita melakukan zina, minum arak, mencuri, tidak terus-menerus dalam dosa kecil seperti selalu mengintip wanita dan menipu (al-Zuhayli, 1989) Imam Syafii meletakkan satu ketegasan pada syarat ini, sekiranya wali itu adalah orang yang fasik boleh menyebabkan individu tersebut dilucutkan dari jawatan wali (Abu Syarkh, 2008).

Elemen kesihatan yang baik perlu ada bagi seorang wali kerana seorang yang mengurus harta hibah mesti seorang yang kuat jasmaninya dan bukan seorang yang lemah tidak berdaya untuk mengurus harta hibah.

Berdasarkan kepada akad hibah, wali ke atas harta hendaklah melaksanakan rukun dan syarat hibah. Rukun hibah terdiri daripada pemberi hibah, penerima hibah, harta hibah dan sighah iaitu ijab dan qabul. Ini bermakna, sekiranya penerima hibah adalah anak bawah umur dan telah diberikan sesuatu harta menerusi instrumen hibah, maka ijab dan qabul hendaklah dilakukan oleh wali atau wasi yang dilantik. Menurut pandangan mazhab Syafii, akad hibah sempurna dilaksanakan apabila sempurnanya ijab dan qabul secara lafadz sahaja (al-Zuhayli, 2011; al-Rafi'i, 1997; al-Khatib, 2003). Akad tersebut tidak sah jika tiada kedua-duanya kerana akad hibah berlakunya pemilikan seperti akad nikah (Ibn Qudamah, t.th).

Justeru itu, peranan wali dan wasi bagi anak bawah umur hendaklah melakukan *qabd* pada harta hibah. Ini kerana berdasarkan pendapat mazhab Syafii, akad hibah tidak akan sempurna sekiranya *qabd* tidak dilaksanakan (al-Zuhayli, 1989, Ibn Rushd, 2012; al-Rafi'i, 1997; al-Khatib, 2003; Noor Lizza, 2014). Dalam memutuskan sesuatu kes tentang hibah, hakim syarie akan meneliti sama ada wujud elemen *qabd* dalam akad hibah atau tidak. Sekiranya elemen *qabd* telah dilaksanakan, barulah hibah akan menjadi sah. Contohnya, dalam kes *Pengesahan*

Hibah Abdul Rahman Bin Haji Ahmad dan Dua Yang Lain (14700-044-0117-2010) yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pemohon merupakan pemberi hibah dan memohon mahkamah mengesahkan hibah yang dibuat kepada anak-anaknya. Kewujudan Dokumen Pengisytiharan Hibah menunjukkan pemberi hibah dengan sukarela ingin menghibahkan harta kepada anak-anaknya. Ketika majlis akad, lafaz ijab dan qabul telah berlaku antara pemberi hibah dan penerima hibah. Pemakaian mazhab Syafie dalam akad hibah memerlukan kepada *qabd* kerana *qabd* adalah syarat sah hibah. (al-Zuhayli, 2011). Berdasarkan keterangan pihak-pihak dalam kes ini, harta hibah yang telah menjadi milikan mereka belum dipindah milik tetapi harta itu telah diduduki oleh penerima hibah dan segala bayaran utiliti dan kerosakan ditanggung oleh mereka. Oleh yang demikian, menurut Hakim Syarie yang mendengar kes ini mendapat perbuatan tersebut menunjukkan *qabd* telah berlaku di samping telah lengkap rukun-rukun hibah, maka hakim memutuskan hibah yang dibuat itu adalah sah.

Selain itu, berdasarkan penghakiman Hakim Syarie dalam kes di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu kes *Rosmah Binti Sully & Seorang Yang Lain v Ismail Bin Mohammad dan Seorang Yang Lain* [2011] JH 32(2) adalah berkenaan harta milik bapa dan telah menghibahkan kepada kepada anak-anaknya yang merupakan plaintif pertama, plaintif kedua dan defendant kedua. Bapa mereka telah meninggal dunia dan semua harta milik si mati telah menjadi harta pusaka dan perlu dibahagikan mengikut hukum faraid. Namun begitu, terdapat satu harta milik si mati yang menjadi pertikaian kerana harta tersebut tidak dimasukkan ke dalam senarai harta untuk dibahagi secara pusaka. Menurut defendant pertama yang bertindak sebagai pemegang amanah menjelaskan kepada Mahkamah Syariah bahawa harta tersebut adalah harta hibah yang diberikan kepada defendant kedua. Oleh sebab pada ketika itu defendant kedua belum sampai umur dewasa, maka defendant pertama dilantik sebagai pemegang amanah dan perlu diserahkan harta tersebut apabila defendant kedua telah mencapai umur dewasa.

Kenyataan yang diberikan oleh Hakim Syarie dalam kes ini, hakim menggunakan pandangan jumhur fuqaha yang telah menetapkan ijab dan qabul sebagai rukun hibah. Jika dilihat dalam kes ini, hanya lafaz ijab sahaja yang wujud iaitu:

“Rumah ini kamu punya cuma nama tidak boleh masuk.”

Manakala lafaz qabul tidak dilafazkan oleh penerima hibah. Menurut Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Y.A Zulfikri Bin Yasoa’, perbuatan pemberi hibah ketika hidupnya dan penerima hibah pergi ke rumah dan pejabat defendant pertama bagi melakukan proses pertukaran nama merupakan *qarinah qabul* dan *qabd* daripada penerima hibah.

Jika dilihat pada alasan penghakiman kes ini, sekiranya tiada perbuatan pergi ke rumah dan pejabat defendant bagi proses pertukaran nama, hibah itu menjadi tidak sah. Dengan keadaan penerima hibah merupakan anak bawah umur tidak boleh melakukan sebarang transaksi. Di sinilah perlunya wali ke atas harta yang berperanan melakukan qabul dan *qabd* bagi pihak anak bawah umur. Tindakan yang bijak dibuat oleh pemberi hibah dalam kes ini kerana dengan perbuatan yang dilakukan itu, menunjukkan sebagai *qarinah qabd* dalam akad hibah.

Perkara yang paling penting, wali ke atas harta yang dilantik hendaklah pihak yang tidak mempunyai sebarang rekod jenayah di samping masyarakat sekeliling mengetahui bahawa individu tersebut baik akhlaknya dan mempunyai sifat belas kasihan kepada anak bawah umur.

Kesimpulan

Garis panduan wali ke atas harta anak bawah umur diperlukan untuk dilaksanakan di Malaysia. Menurut peruntukan undang-undang sedia ada, menetapkan bapa dan datuk sebagai wali ke atas harta anak bawah umur. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan fuqaha yang membenarkan ibu menjadi wali ke atas harta anak bawah umur namun hendaklah memenuhi elemen yang ditetapkan agar wali ke atas harta mampu mengendalikan dan menguruskan harta hibah. Dengan adanya garis panduan penentuan wali ke atas harta anak bawah umur pada kontrak hibah mampu untuk memudahkan masyarakat dalam memastikan akad hibah yang dibuat itu sah di Mahkamah Syariah di samping menyeragamkan keputusan penghakiman Hakim Syarie pada isu yang berkait dengan wali ke atas harta anak bawah umur.

Rujukan

- Abu Syarkh, Firas Wail Talb. (2008). *al-Wilayah ‘ala al-Mal fi al-Fiqh al-Islami*. Palestin: al-Khalil.
- Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami. (2017). Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam di Malaysia. *Kanun*. 29(2): 90-115.
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]
- Azhar, A., & Md Nor, M. Z. (2019). Hibah In The Administration Of Islamic Property: Ijtihadi Elements And Reality In Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 10(2), 103–119.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology*. Qualitative Research in Psychology, 3(2), 77–101.
- Enakmen Mahkamah Syariah 1993 Negeri Kedah.
- Enakmen Mahkamah Syariah 2004 Negeri Sabah.
- Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (pindaan) 2005.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004.
- Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (pindaan) Negeri Kelantan 1998.
- Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (pindaan) Negeri Perlis 2000.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang 1991.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005.
- Ibn Qudamah, Abdullah Bin Ahmad. (t.th). *al-Mughni*. Jil. 5. Beirut: ‘Alim al-Kutub.
- Ibn Rushd, Abi al-Walid Muhammad Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Rushd al-Andalusi. (2012). *Sharh Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Cet. 5. Jil. 4. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Jaziri, Abd Rahman. (2003). *al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba’ah*. Cet. 2. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Jurnal Hukum. (2011). Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 32(2).
- Jurnal Hukum. (2011). Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 33(1).
- al-Khatib, Shams al-Din Muhammad Bin Muhammad al-Khatib. 2003. *al-Iqna’ fi Hal Alfaz Abi Shuja’*. Jil. 2. Mesir: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.

- Mohd Khairy Kamarudin & Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2017). Faktor Pemberian Hibah Menurut Perspektif Pentadbir Tanah. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 4(3-1): 22-31.
- Mohd Khairy Kamarudin & Suhaili Alma'amun. (2013). Analysing The Knowledge and Practice of Hibah (Inter Vivos Gift) Within The Contextual Form of Islamic Estate Planning in Malaysia : Variations Across Control Variables. *Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran Dan Halatuju"*. 7-9 Jun.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2011). *Hibah dalam Undang-undang Islam: Prinsip dan Amalan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Lizza Mohamed Said. (2014). *Analisis Fiqah terhadap Undang-undang Hibah dan Wasiat di Negara-negara Islam*. Tesis Dr. Fal. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Lizza Mohamed Said & Wan Amirul Adli Wan Ayub. (2021). Pelaksanaan Hibah Harta Bercagar dalam Industri Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam. *International Journal of Islamic Thought*. 19(1): 89-101.
- Nor'asyikin Binti Hamzah. (2018). *Pelaksanaan Peruntukan Perlindungan dan Kebajikan Kanak-kanak Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia: Kajian dari Perspektif Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989*. Tesis Dr. Fal. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ordinan Mahkamah Syariah 2001 Negeri Sarawak.
- Othman Yaacob. (2006). Pembentukan *trust hibah* sebagai alternatif perancangan harta, Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Pentadbiran Harta Orang-orang Islam di Malaysia*, hlm. 172. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- al-Rafi'i, Abi al-Qasim Abd al-Karim Bin Muhammad Bin Abd al-Karim. (1997). *al-Aziz bi Sharh al-Wajiz al-Ma'ruf bi al-Sharh al-Kabir*. Cet. 1. Jil. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Wan Kamal Mujani, Wan Mohd Hirwani Wan Hussain, Noor Inayah Yaakub and Rusnadewi Abdul Rashid. (2011). Constructions Of Failure Ad Delay Under Islamic Estate Management. *International Business Management*. 5(6A): 326-330.
- Zanariah Noor. (2012). Isu-isu Berbangkit dari Hak Hadanah dan Hak Perwakilan Anak. *Jurnal Syariah*. 20(1): 123-144.
- al-Zuhayli, Muhammad. (2011). *al-Mu'tamad fi Fiqh Imam al-Shafii*. Cet. 3. Juz. 3. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Cet.3. Juz 5. hlm. 7. Damshiq: Dar al-Fikr.